

17/10/2003

Samy Vellu sedia berundur

KUALA LUMPUR: Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu bersetuju pemimpin veteran patut memberi laluan kepada calon baru untuk menggantikan mereka dalam pilihan raya akan datang demi kepentingan rakyat.

Beliau berkata, MIC sebagai parti komponen Barisan Nasional (BN) yang kini mempunyai keahlian 601,000 orang tidak menghalang mana-mana ahli politik veteran untuk berundur.

Katanya, beliau sendiri sedia untuk berundur jika parti itu tidak memerlukan khidmatnya kerana yakin dengan pengunduran pemimpin veteran dapat memberi peluang lebih luas kepada calon baru untuk menerajui pucuk pimpinan akan datang.

"Dalam MIC ada pemimpin lama yang sukarela berundur diri seperti bekas Naib Presiden MIC, Datuk K Kumaran.

"Bagaimanapun, saya masih diberi mandat oleh parti untuk terus menjadi presiden tanpa bertanding. Parti terus memberi peluang dan mereka percaya pelantikan saya dalam MIC adalah relevan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli politik veteran yang memegang jawatan berundur untuk memberi laluan kepada muka baru.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu memberi peluang kepada muka baru dan membantu kempen bagi menjamin kemenangan calon baru itu pada pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu berkata, MIC akan menetapkan ramai muka baru sebagai calon dalam pilihan raya akan datang.

"Kita tidak akan umumkan sekarang kerana jika kita berbuat demikian sekarang pasti ada pihak yang akan menghantar surat layang. Kita akan umumkan calon waktu pilihan raya nanti," katanya.

Sementara itu, berhubung isu pembinaan Lebihraya Pantai Timur, beliau berkata, Kerajaan Pusat sudah memberi penjelasan kepada Kerajaan Terengganu berhubung pengambilan tanah dan kawasan penempatan penduduk bagi membolehkan pembinaan lebuh raya itu dilaksanakan segera.

Katanya, Kerajaan Pusat juga bersedia membayar ganti rugi kepada penduduk yang rumah mereka akan dirobuhkan bagi membolehkan lebuh raya dibina.